

22/04/2001

Pengambilan wang ihsan pendidikan satu kesilapan

ISU wang ihsan Kerajaan Pusat yang diambil kerajaan negeri Terengganu mula mendapat perhatian. Ada pihak khuatir wang berjumlah RM40 juta yang disalurkan menerusi Kementerian Pendidikan disalah guna oleh kerajaan Pas untuk tujuan lain.

Ada pula yang mengatakan Umno tidak harus campur tangan kerana isu wang itu membabitkan Kerajaan Pusat dan negeri.

Wartawan Berita Minggu, Ibrahim Muhamad menemu bual Timbalan Ketua Perhubungan Umno Terengganu, Datuk Idris Jusoh (gambar) di Kuala Terengganu, kelmarin untuk menceritakan kedudukan sebenar.

APA pandangan Datuk mengenai tindakan kerajaan negeri Terengganu mengambil sebahagian daripada wang ihsan yang diperuntukkan kepada institusi kerajaan negeri seperti Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (Kusza), Tati dan sekolah agama negeri.

Kerajaan negeri di bawah pemerintahan Pas harus menerima hakikat bahawa mereka sudah melakukan satu kesilapan dengan mengambil wang ihsan yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat kepada institusi berkenaan selepas institusi berkenaan memohon untuk membiayai pengurusan dan pentadbiran mereka.

Wang itu untuk kepentingan institusi itu bagi membayar gaji kakitangan, pensyarah, bantuan kepada pelajar, kelengkapan pelbagai jabatan dalam institusi itu. Bagaimanapun daripada laporan yang saya terima, wang berkenaan dimasukkan ke dalam akaun kerajaan negeri yang boleh digunakan untuk tujuan lain.

Ini amat malang dan saya kecewa dengan sikap kerajaan negeri mengambil wang itu yang sepatutnya dikhaskan kepada institusi itu untuk kepentingan mereka (Institusi). Kerajaan Pusat tidak bertanggungjawab jika institusi berkenaan akan mengalami masalah kewangan pada tahun ini dan kerajaan negeri seharusnya bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan setiap pengurusan institusi berkenaan tidak akan menghadapi masalah kewangan.

Sehingga ini melalui program pembiayaan wang ihsan, Kerajaan Pusat sudah menyalurkan bantuan RM15.429 juta kepada Kusza, RM7.3 juta kepada Tati dan RM17.3 kepada sekolah agama negeri. Semua pembayaran ini dibuat oleh Kementerian Pendidikan terus kepada pihak berkuasa institusi berkenaan.

Apa yang saya sebut ini adalah laporan yang diperolehi daripada sumber yang sah, dan ini sudah menjadi tanggungjawab Kementerian Pendidikan untuk membuat tindakan selanjutnya. Kenyataan pemimpin Pas baru-baru ini mengesahkan kerajaan negeri tidak menafikan mereka mengambil duit berkenaan.

Apakah kesan yang akan dihadapi oleh Kusza, Tati dan sekolah agama negeri dengan wang yang tidak mencukupi itu dan kesan dari segi imej institusi itu sendiri.

Yang akan terjejas ialah sebahagian besar sektor dalam institusi berkenaan, sebagai contoh pembayaran gaji kakitangan, keperluan pelajar, pengurusan, manakala imej Kusza sejak kebelakangan ini semakin teruk. Sejak Pas memerintah khabarnya Kusza sudah menjadi pusat untuk melatih kader mereka dan kini sudah hilang prestij sebagai sebuah institusi pendidikan terlung di negeri Terengganu. Tidak hairanlah ada ibu bapa tidak berminat menghantar anak mereka belajar di institusi itu.

Bagaimana anggapan pemimpin kerajaan negeri yang mengatakan Datuk tidak berhak untuk komen terhadap tindakan kepemimpinan kerajaan negeri yang mengambil wang berkenaan.

Kenyataan exco kerajaan negeri itu agak ganjil dan tidak berpijak kepada kenyataan. Saya selaku pemimpin Umno dan saya juga mewakili sebahagian daripada rakyat. Sepatutnya kerajaan negeri mesti menjelaskan perkara berkenaan kepada rakyat secara telus bukan melemparkan balik tuduhan itu kepada orang lain.

Mereka (pemimpin Pas) harus faham, semasa pemerintahan Barisan Nasional (BN) kerajaan negeri yang menerima bantuan wang daripada Kerajaan Pusat kerana pada masa itu dasar kerajaan Terengganu sama dengan dasar Kerajaan Pusat. Tetapi sekarang dasar pemerintahan kerajaan negeri sudah berubah dan rakyat tidak seharusnya menjadi mangsa keadaan. Untuk itu pemberian wang ihsan secara terus kepada rakyat adalah cara yang betul.

Sepatutnya, pemimpin Pas perlu menjelaskan kepada rakyat kenapa kerajaan negeri mengambil wang berkenaan dengan cara yang tidak mengikut peraturan. Sehingga ini mereka (pemimpin Pas) masih belum menjelaskannya secara telus. Ini hak rakyat, Umno sebahagian daripada rakyat apa yang saya lihat seolah-olah pemimpin kerajaan negeri takut kepada kritikan kerana mereka sudah melakukan kesilapan yang tidak sepatutnya dilakukan. Pemimpin Pas sepatutnya tidak menidakkan demokrasi dan hak rakyat.

Adakah benar ada pihak berkata Umno terbabit secara langsung dalam wang ihsan, sebab itu kebanyakan mereka yang mendapat manfaat hanya orang tertentu dan penyokong parti itu saja.

Sebelum saya jawab soalan ini kita kena faham apa itu wang ihsan dan siapa berkuasa mengendalikan wang ihsan, ini mustahak. Dalam pengendalian wang ihsan ini ia dikuasai sepenuhnya oleh Jawatankuasa Peringkat Pusat (JPP) yang dipengerusikan sendiri oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Shamsuddin Hitam, dengan ahlinya terdiri daripada pelbagai jabatan. Di peringkat negeri dipengerusikan oleh Pengarah Pembangunan Negeri (JPN) dan saya menjadi ahlinya sebagai Pengerusi Lembaga Kemajuan Terengganu Ketengah.

Itulah hakikat yang berlaku, kita pemimpin Umno hanya sekadar memberi saranan dan cadangan. Pelaksanaan sepenuhnya dilakukan oleh JPP dan jawatankuasa peringkat negeri dengan pelaksanaan di bawah kementerian masing-masing, manakala pembabitan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) untuk pengesahan di peringkat akar umbi selaku satu institusi Kerajaan Pusat. Adalah tidak benar ada pihak menuduh Umno yang memegang wang ihsan.

Nampaknya, jawatankuasa di peringkat pusat dan jawatankuasa peringkat negeri yang dibentuk itu seolah-olah berlaku pertindihan tugas dalam pengendalian wang ihsan untuk disampaikan kepada rakyat.

Ini tidak mengapa kerana wujudnya keadaan ini membolehkan pelbagai bentuk cadangan diterima sama ada dari bawah ke atas dan dari atas ke bawah untuk dilaksanakan. JPP akan melihat semua cadangan yang ada dan merumuskan apa yang harus dilaksanakan dan memilih yang mana perlu didahulukan dan dikemudiankan bagi menjalankan semua program yang sudah dipersetujui.

Sebagaimana kenyataan yang pernah dibuat oleh hampir semua pemimpin Umno sama ada di peringkat pusat dan negeri bahawa wang ihsan turut ditumpukan kepada sektor pendidikan di semua peringkat.

Kita melihat Umno boleh memainkan peranan besar dalam program pendidikan di Terengganu melalui program pembiayaan wang ihsan. Banyak cadangan sudah kita kemukakan kepada JPP. Cadangan pendidikan kita akan bermula dari peringkat bawah lagi iaitu peringkat tadika. Tadika yang dicadangkan berasaskan kecemerlangan yang menggunakan DARI MUKA 13 teknologi maklumat komputer (ICT) sebagai asas dengan pendidikannya merangkumi pembelajaran al-Quran dan juga bahasa Arab. Saya rasa ia sudah bermula dengan dilaksanakan oleh Kemas.

Di peringkat sekolah, saya lihat banyak program bantuan wang ihsan

bermula dengan pelajar miskin. Bantuan ini juga disarankan kepada bantuan peperiksaan, bantuan pakaian sekolah, biasiswa kepada pelajar miskin dan cemerlang, kemasukan ke pusat pengajian tinggi. Saranan kita juga diterima supaya 2,000 unit komputer diberikan kepada 200 sekolah menengah dan rendah di seluruh negeri dengan setiap sekolah akan mendapat sekurang-kurangnya 10 unit komputer, satu server, satu printer, perabot serta kemudahan internet.

Tidak cukup dengan itu saranan kita juga untuk mewujudkan E-Kolej Komuniti, dengan perlaksanaannya dilakukan oleh Kementerian Pendidikan sendiri yang bermula dengan dua daerah di negeri ini iaitu Kuala Terengganu dan Besut. Kita juga sarankan diadakan kelas tambahan kepada pelajar yang mengambil peperiksaan UPSR, PMR dan SPM dan juga kelas tambahan lain bagi memastikan pelajar kita cemerlang dan seimbang dengan pelajar di pantai barat terutama dalam mata pelajaran bahasa Inggeris, matematik dan sains selain daripada kelas tambahan yang sudah dilaksanakan oleh Jabatan Pendidikan sendiri. Tenaga pengajar sukarela akan diberi imbuhan yang berpatutan sebagai sagu hati kepada mereka yang sanggup berkorban untuk anak bangsa sendiri.

Bagi pinjaman pelajar ke institut pengajian tinggi wang ihsan juga memperuntukan sebanyak RM20 juta yang disalurkan melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Cara pembahagiannya akan diuruskan oleh PTPTN mengikut kaedah yang disarankan kerajaan.

Ada pemerhati luar melihat Umno tidak menumpukan kepada strategi untuk mengambil balik Terengganu daripada Pas dalam pilihan raya pada 2004 nanti, apakah benar.

Pendapat sesetengah pihak mengatakan kita tidak mempunyai strategi untuk mengambil balik Terengganu daripada Pas, adalah satu pandangan yang tidak mendalam dan tidak tepat. Strategi tetap ada tetapi mungkin ia tidak perlu didedahkan kepada semua. Strategi apabila diketahui oleh pihak lawan sudah tidak dipanggil strategi lagi.

Kita akan memastikan program pengurusan di semua peringkat diperkemas, bahagian penerangan dipertingkatkan, pengeluaran buletin sudah berjalan setiap bulan. Sekarang al-Haq online akan bermula pada setiap hari mulai akhir bulan. Ini boleh dibaca oleh semua orang dan akan disambungkan kepada Umno online, ceramah akan kita selaraskan, jentera parti akan diperkukuhkan, kursus dan latihan akan diperbanyakkan daripada semasa kesemasa.

Adakah Datuk berpuas hati dengan perkembangan dalam Umno sendiri terutama kepemimpinan di peringkat bahagian, pemuda dan wanita.

Kalau hendak dikatakan puas hati saya tetap menyatakan tidak berpuas hati. Bagaimanapun, secara keseluruhannya kita tidak akan mengambil mudah dalam menghadapi masalah ini. Jadi saya ingin mengatakan bahawa keadaan politik Terengganu dalam keadaan yang terbaik. Kita lihat hanya dua bahagian saja daripada lapan bahagian atau 25 peratus yang bertanding di peringkat pucuk pimpinan.

Walupun tidak ada pertandingan tetapi nampak sudah ada perubahan. Di Besut ada perubahan kepemimpinan, dengan Datuk Dr Yusuf Nor memberi peluang kepada saya. Di Kuala Terengganu, Dungun, Kemaman akan ada perubahan kepemimpinan. Saya berani mengatakan pencapaian itu adalah di antara yang terbaik dan unik.

Bagaimanapun pandangan Datuk anggapan pihak tertentu bahawa barisan pergerakan pemuda kini dianggap kurang keilmuannya sebagai barisan pelapis.

Kita akan memastikan barisan pemuda akan lebih mantap dan jika perlu mungkin pelantikan golongan berilmu dalam barisan pemuda untuk memantapkan serta meningkatkan kredibiliti barisan pelapis itu, kemasukan golongan berilmu ini juga akan membabitkan di peringkat bahagian, wanita dan

kehadiran puteri akan melengkapkan senario ini, Kita dapat tarik dan lahirkan tokoh kepimpinan berilmu ini bukan di semua peringkat seperti daerah, negeri, nasional dan antarabangsa. Perbincangan dengan tokoh ilmuan secara berterusan akan dilakukan untuk menjayakan program berkenaan di semua bahagian di seluruh negeri.

Apakah jaminan datuk terhadap golongan berilmu ini kerana dalam politik kebiasaannya tokoh ini tidak mempunyai sokongan akar umbi dan mereka kurang diterima untuk memberi sumbangan kepada bangsa sendiri melalui parti Umno.

Mereka ini boleh dilatih, kerana pemimpin yang berkelulusan dalam Umno hari ini sudah berada dalam parti di antara 10 dan 20 tahun. Mereka ini jika diberi masa akan dapat menyesuaikan diri dalam politik dan memahami hubungan mereka dengan rakyat di peringkat akar umbi.

Ramai tokoh akademik dan para ilmuan kini menjadi idola rakyat. Tokoh ini tetap diberi sambutan ke mana saja mereka pergi hanya bagaimana parti harus membawa mereka dalam mengharungi kerena politik yang mungkin sesetengahnya di luar pengalaman mereka.

Boleh Datuk ceritakan sedikit fungsi Ketengah dan program yang sudah diatur untuk turut membangunkan rakyat negeri ini selaku satu agensi Kerajaan Pusat di negeri Terengganu.

Kita mencadangkan satu program untuk melahirkan `Ketengah Man'. Di bawah program ini untuk membawa rakyat dalam kawasan Ketengah akan jadi lebih mulia dan perkasa dengan mempunyai ciri ekonomi, akhlak yang sejahtera dengan purata pendapatan mengikut ekonomi semasa sekurangnya RM1,600 sebulan, manakala sekurang-kurangnya seorang daripada anak mereka mengikuti pengajian di peringkat kolej sama ada di Terengganu atau seluruh negara.

Melalui pendapatan yang agak stabil mereka mempunyai kereta walaupun hanya terpakai, ada komputer di rumah. Untuk menjayakan program ini ia memerlukan kepada satu sistem pendidikan di kawasan Ketengah itu sendiri.

Walaupun terlalu awal untuk menyatakan pada masa ini tetapi program pendidikan sedang berjalan, kerana kita berpendapat perubahan sosio ekonomi itu harus bermula dengan perubahan sikap ibu bapa dan rakyat Ketengah itu sendiri.

Sebagai contoh program ICT sudah dilaksanakan melalui enam program E-Komuniti sebagai pendedahan awal kepada masyarakat supaya dapat memastikan ia menjadi asas kepada satu masyarakat yang bermaklumat. Kita juga sedang melaksanakan pembangunan kolej komuniti Ketengah supaya dapat memberi peluang pendidikan rakyat setempat di peringkat yang lebih tinggi.

Kolej Komuniti di Ketengah akan mendapat kerjasama daripada semua pihak kenapa ia libatkan diri dalam ICT secara langsung seperti pembangunan yang sama di Eropah. Ini selaras dengan program dalam RJP3, yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini yang menyebut pentingnya K-Ekonomi yang berasaskan ICT.

(END)